



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 5/2016
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isya' Berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun **Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-32 Tahun 2016 akan diadakan pada hari Isnin 13 Jamadilawal 1437 bersamaan 22 Februari 2016 bermula jam 5.45 petang**, dengan tumpuan utama di **Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan** dan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh Negara Brunei Darussalam seperti berikut:-

TUMPUAN UTAMA

- 1) Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

- 1) Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong;
- 2) Masjid Al-Muhtadee Billah, Mukim Sungai Kebun;
- 3) Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop;
- 4) Masjid Sultan Shariff Ali, Mukim Sengkurong;
- 5) Masjid Perpindahan Negara Lambak Kanan;
- 6) Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong;
- 7) Masjid Setia Ali, Pekan Muara;

DAERAH BELAIT

- 1) Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait;
- 2) Masjid Perpindahan Kampung Pandan, Kuala Belait;
- 3) Masjid Pekan Seria;

DAERAH TUTONG

- 1) Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong;

DAERAH TEMBURONG

- 1) Masjid Utama Mohd Salleh, Pekan Bangar;



-2-

2. Susunan aturcara adalah seperti berikut:-

ATURCARA (TUMPUAN MASJID UTAMA)

- 5.45 PETANG : Para Jemaah hadir
- 6.00 PETANG : Pembesar-Pembesar Negara hadir
- 6.34 PETANG : Azan Maghrib
- : Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah
- : Sembahyang Sunnat Hajat
- : Membaca Surah Yaasin
- : Membaca Doa Kesyukuran
- : Azan Isya'
- : Sembahyang Fardhu Isya' Berjemaah
- : Bersurai

3. **Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan serta orang ramai adalah diharapkan dan dialu-alukan untuk bersama-sama hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara khususnya di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan** bagi bersama-sama meramaikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dan sama-sama berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam akan sentiasa berkeadaan aman, makmur dan sejahtera serta sentiasa didalam pemeliharaan-Nya dari segala bentuk bencana dan musibah.

والسلام

"Generasi Berwawasan, Peneraju Kepada Kemajuan Negara"

(MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS)

Pemangku Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (5) JPM/SK/2016

Tarikh : 11 Jamadilawal 1437 / 20 Februari 2016